

06 JAN 2002

Mahathir-PAS (Bergambar)

PAS TIDAK PERNAH MINTA MAAF WALAUPUN SALAH, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin PAS tidak pernah meminta maaf kepada sesiapa walaupun terbukti mereka melakukan perbuatan salah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dia lempar fitnah tak apa, tak minta maaf, mencarut tak minta maaf, bohong tak minta maaf...mereka tak pernah minta maaf.

"PAS tidak pernah mengaku dia salah...dia satu jenis manusia yang tidak pernah mengaku yang dia buat salah walaupun satu dunia tahu yang dia buat salah. Jadi, tidak guna suruh dia minta maaf," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri bekas Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abang Ahmad Urai di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas seruan beberapa pemimpin Umno supaya Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat meminta maaf kerana menyifatkan penangkapan serta perbicaraan anggota kumpulan Al-Ma'unah sebagai satu sandiwara kerajaan.

Minggu lepas 19 anggota kumpulan itu didapati bersalah terhadap tuduhan cuba melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong. Ketua kumpulan itu Mohd Amin Mohd Razali dan dua orang kanannya dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur manakala 16 lagi ahli kumpulan itu dipenjara seumur hidup.

"Kita nak jemput Nik Aziz datang menyaksikan apabila Amin (ketua kumpulan Al-Ma-unah) menjalankan hukum gantung. (Biar Nik Aziz) bagi tahu kepada Amin ini adalah sandiwara sahaja...suruh dia katakan begitu pada Amin semasa Amin hendak jalankan hukum gantung," kata Dr Mahathir.

Mengenai perkara lain, Perdana Menteri berkata Umno tidak bercadang untuk mengembangkan sayapnya ke Sarawak pada masa kini walaupun terdapat orang Sarawak yang bermastautin di Semenanjung Malaysia telah menjadi anggota Umno.

"Umno tiada bantahan anak Sarawak menyertai parti Umno kalau mereka bermastautin di Semenanjung Malaysia...kalau duduk di sini tak kena mengena dengan sana (Sarawak), tak menjadi pengundi di sana, tak apa," katanya.

Beliau berkata orang Sarawak yang duduk di Semenanjung Malaysia menjadi anggota Umno kerana di Semenanjung tidak ada cawangan parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB).

Rumah terbuka itu turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Jamil Johari, bekas Menteri Pertanian Tan Sri Dr Sulaiman Daud dan anak-anak Sarawak yang tinggal di ibu kota.

-- BERNAMA

SR AZZ MAI